

Dewan Rakyat luluskan RMK12

UM - 8/10/2021 vtd: 4

SIDANG
DEWAN
RAKYAT



Oleh **ASLINDA NASIR**
dan **OMAR ZIN**

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Persidangan Dewan Rakyat semalam meluluskan usul pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) tanpa sebarang pindaan.

Ini selepas RMK12 yang memeruntukkan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM400 bilion itu dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 27 September lalu.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun meluluskan usul itu menerusi undi suara selepas menyaksikan lebih suara bersetuju berbanding tidak bersetuju.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed menjadi menteri terakhir menggulung usul tersebut sebelum RMK12 di-



PERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Mustapa Mohamed menunjukkan dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) selepas pembentangan pada 27 September lalu.

luluskan.

RMK12 yang meliputi pembangunan negara selama lima tahun telah dibahaskan selama empat hari oleh 106 Ahli Parlimen bermula 28 September lalu

sebelum sesi penggulungan oleh kementerian berlangsung selama tiga hari bermula 5 Oktober lalu.

Peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM400 bilion bagi pembangunan tahun 2021

hingga 2025 merupakan peruntukan terbesar dalam sejarah negara.

Sidang Dewan Rakyat bagi Penggal Keempat Parlimen Keempat Belas 2021 untuk me-

suarat pertama akan diteruskan pada 11 Oktober dan akan berakhir pada 12 Oktober ini.

Dewan Rakyat akan kembali bersidang untuk mesyuarat kedua pada 25 Oktober ini sebelum Rang Undang-Undang Perbelanjaan (Belanjawan) 2022 dibentangkan pada 29 Oktober.

Sementara itu, Mustapa berkata, kos sebenar bagi menyediakan dokumen RMK12 adalah RM4.2 juta dan bukannya RM2 bilion seperti yang didakwa Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Saya ingin menegaskan bahawa RMK12 tidak disediakan oleh perunding asing tetapi pegawai Unit Perancang Ekonomi (EPU) dengan kerjasama Kementerian, agensi serta sokongan beberapa pihak berkepentingan lain,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga mendapat khidmat nasihat dari Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), perunding tempatan serta bekas pegawai kanan EPU untuk menyemak konsistensi serta menambah baik gaya, bahasa dan kaedah penyampaian dokumen agar lebih mudah difahami.